



# MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

## TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI

## SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN PUSAT KOMPOS  
RESTORAN DE'PAUH GARDEN

## TARIKH / MASA / TEMPAT

19 JANUARI 2019 (SABTU)  
11.30 PAGI

PUSAT KOMPOS RESTORAN DE'PAUH GARDEN  
PERMATANG PAUH  
BUKIT MERTA JAM

**Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Ir. Hjh Rosnani Binti Hj Mahmod**

Setiausaha Perbandaran MPSP

**Yang Berusaha Encik Mohd Rodzi Bin Abu Bakar**

Pengarah Urusan, Restoran De' Pauh Garden

**Ketua–Ketua Jabatan dan Pegawai-Pegawai Kanan**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Kakitangan-Kakitangan**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Rakan-Rakan Media**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

-----

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam Majlis Perasmian Pusat Kompos Restoran De' Pauh Garden.

Terlebih dahulu, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada Encik Mohd Rodzi Bin Abu Bakar, Pengarah Urusan Restoran De'Pauh Garden, tuan-tuan dan puan-puan kerana sudi hadir bersama-sama memeriahkan majlis kita pada pagi yang barakah ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas kepada Encik Mohd Rodzi Bin Abu Bakar dan pasukan beliau yang telah berjaya menjadikan Restoran De'Pauh Garden sebagai restoran yang pertama di Seberang Perai yang menguruskan sisa makan untuk dijadikan kompos.

## Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Saya pasti tuan-tuan dan puan-puan amat mengenali dan memahami peranan MPSP sebagai pihak berkuasa tempatan untuk kawasan Seberang Perai. Berdasarkan perubahan expektasi rakyat yang mahukan perkhidmatan yang lebih cemerlang, MPSP telah merangka Pelan Strategi Seberang Perai 2018 – 2022 yang menetapkan sasaran untuk menjadikan Seberang Perai sebuah Bandaraya Rendah Karbon (*Low Carbon City*) dan Bandaraya Pintar (*Smart City*) menjelang tahun 2022.

MPSP merupakan sebuah organisasi berorientasikan rakyat atau “*People Centric Organisation*” dan telah mengisytiharkan Bajet MPSP 2019 bertemakan *People Centric Budget*. MPSP memperkasakan rakyat dengan menggalakkan masyarakat untuk membuat keputusan dalam program-program pembangunan. MPSP mengukuhkan masyarakat sivil dengan mengadakan program yang menggalakkan perubahan tingkah laku, sikap dan gaya hidup dan seterusnya berusaha ke arah kehidupan yang mampan.

Hasrat MPSP adalah untuk menjadikan Seberang Perai sebagai kawasan yang bersih, mempunyai alam sekitar yang hijau dan mampan

serta selamat untuk didiami dan mempunyai masyarakat serta persekitaran yang sihat. Berteraskan kepada impian ini, pelbagai dasar telah dilaksanakan bagi memelihara, memulihara serta mempertahankan alam sekitar dan ekosistem di Seberang Perai, iaitu:-

- I. Pada 6 Julai 2009, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melancarkan kempen "*Hari Tanpa Beg Plastik*" pada setiap hari Isnin. Ini menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri yang pertama dalam sejarah Malaysia untuk melancarkan satu kempen di seluruh negeri untuk mengurangkan penggunaan beg plastik. Setiap individu kini boleh menyumbang ke arah mengurangkan kesan tapak kaki karbon mereka supaya kita dapat memelihara alam sekitar kita untuk generasi yang akan datang. Dalam masa empat bulan sahaja, Pulau Pinang telah berjaya mengurangkan penggunaan lebih daripada 1 juta beg plastik. Susulan itu, inisiatif tersebut kemudian telah dilanjutkan ke tiga hari seminggu iaitu Isnin, Selasa dan Rabu mulai 1 Januari 2010. Manakala pada 1 Januari 2011, ia dilaksanakan pada setiap hari. Dalam usaha mempromosikan Sisa Sifar (*Zero Waste*), Pulau Pinang telah melarang penggunaan kotak dan pinggan mangkuk polistrena dalam semua majlis rasmi negeri pada tahun 2009. MPSP juga menyokong penuh saranan Kerajaan Negeri dan telah menetapkan tiada lagi penggunaan cawan atau bekas plastik pakai buang dalam semua mesyuarat dan program anjuran MPSP bermula pada bulan

Julai 2018. Kakitangan adalah digalakkan membawa bekas minuman sendiri ke mesyuarat atau program-program anjuran MPSP.

- II. Dasar Pengasingan Sisa di Punca adalah satu inisiatif positif yang diambil Kerajaan Negeri bagi mengurangkan sisa yang dilupuskan di Pulau Burung serta memanjangkan hayat tapak pelupusan. Pelaksanaan Dasar Pengasingan Sisa di Punca oleh Kerajaan Negeri telah berjaya mempertingkatkan sistem dan kaedah pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam negeri kepada satu sistem yang lebih teratur, mampan dan maju dan setanding dengan bandar-bandar antarabangsa maju lain.

Dasar Pengasingan Sisa di Punca berkuatkuasa pada 1 Jun 2016 tumpuan diberikan program-program pendidikan dan kesedaran kepada penduduk Seberang Perai. Pada 1 Jun 2017, Dasar Pengasingan Sisa Di Punca mula dikuatkuasakan dengan penguatkuasaan di kawasan harta bersama atau strata. Penguatkuasaan mula dikembangkan di kawasan komersial mulai 1 Januari 2018.

Melalui Dasar Pengasingan Sisa di Punca ini, semua penduduk di negeri Pulau Pinang dimestikan mengasingkan sampah mereka mengikut komposisi sisa pepejal iaitu sisa kitar semula (kertas, plastik, kaca, tin aluminium / besi / logam) dan sisa baki (sampah kotor dan sisa makanan) sebelum dilupuskan. Keadah ini merupakan pengasingan sisa di punca yang paling mudah.

- III. MPSP memperkenalkan *Smart Consumption Model 8R* pada 14 Januari 2018 iaitu *Rethink, Refuse, Reduce, Reuse, Repair, Re-Gift, Recover and Recycle*. Tujuannya adalah untuk mengurangkan beratan sampah ke tapak pelupusan sampah sehingga 50% dan meningkatkan kadar kitar semula kepada 70% menjelang tahun 2022. Kesan daripada pelbagai program pengasingan sisa makanan dan kitar semula, penajaan sampah berkurangan dari 1.6 kg/orang/hari pada tahun 2016, 1.09 kg/orang/hari pada tahun 2017 dan disasarkan berkurangan kepada 0.8 kg/orang/hari pada tahun 2022.
- IV. Menjuarai Program *Upcycle* seperti kain rentang (*banners*) terpakai dikutip dan dijadikan beg membeli-belah. MPSP mempunyai *competitive advantage* dalam bidang pembikinan barangan *upcycle* sehingga berjaya mewujudkan *Upcycle Park* pertama di Malayisa yang dapat pengiktirafan dalam *The Malaysia Book of Records* pada

28 Julai 2018. MPSP sentiasa mengilap *competitive advantage* dalam produk *upcycle* dengan memberi penekanan kepada aspek pengetahuan seni dan saintifik dalam penghasilan produk *upcycle*, iaitu penghasilan Mural 3D dengan kerjasama pihak Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak. Program membuat Mural 3D di Menara MPSP menggunakan konsep “*Re-Imagining Waste as a Resources*” di mana mural yang dihasilkan menggunakan penutup botol minuman yang dibuang. Projek penyediaan mural-mural ini telah dilaksanakan pada 21 hingga 23 September 2018 dan lebih kurang 71,000 tudung botol plastik telah dikumpulkan dan digunakan untuk projek ini. Mural 3D adalah berdasarkan gambar tempat-tempat indah yang terpilih di Seberang Perai dan disiapkan pada bulan Oktober 2018..

Program-program ini dianjurkan dan dilaksanakan untuk menyemai rasa tanggungjawab serta meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat untuk melindungi bumi dan alam sekitar. Ianya juga mengajak orang awam untuk bersama-sama memainkan peranan masing-masing dalam mengamalkan gaya hidup hijau sebagai usaha dan sumbangan kepada generasi akan datang.



## Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian

Sisa makanan merupakan masalah utama dalam pengurusan sampah. Kajian komposisi sisa isi rumah atau domestik di Malaysia yang dijalankan pada tahun 2015 oleh SWCorp menunjukkan sisa makanan merupakan komposisi tertinggi iaitu 40% daripada sisa pepejal. Manakala, kajian yang dilaksanakan oleh Universiti Sains Malaysia (USM) berkenaan komposisi sampah di Tapak Pelupusan Pulau Burung (TPPB) pada tahun 2014 menganggarkan 33.88% sisa yang dilupuskan adalah daripada sisa makanan/organik.

Pengurusan sampah dan pembersihan awam menelan belanja yang tinggi yang harus dipikul oleh MPSP. MPSP bersama Kerajaan Negeri telah berusaha untuk mengurangkan sisa yang dijana melalui pelbagai kaedah termasuklah Dasar Pengasingan Sisa Di Punca, Kempen Makan Sampai Habis, Program Kitar Semula dan *Upcycle*, *Smart Consumption Model 8R*, Program LA21 yang lain agar dapat mewujudkan persekitaran yang bersih dan hijau. Pengurusan sampah yang baik terutamanya sisa makanan akan mengurangkan bau busuk, mencegah pembiakan makhluk perosak dan sekaligus memastikan alam sekitar lebih selesa dan sihat untuk didiami.

Penggunaan mesin kompos *Economical Food Waste Composter* atau EFWC merupakan salah satu kaedah dalam pengurusan sisa makanan dan menukarkannya kepada satu bahan yang memberi faedah iaitu baja kompos. *Economical Food Waste Composter* atau EFWC adalah merupakan satu inovasi MPSP bersama Universiti Pendidikan Sultan Idris untuk memproses sisa makanan. Ini merupakan satu kerjasama strategik menggunakan pendekatan *smart partnership* melalui konsep 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership*), di mana melalui pendekatan ini, jalinan kerjasama pelbagai pihak secara tidak langsung memberi impak positif terhadap usaha-usaha pemeliharaan alam sekitar dan bumi kita serta memberi manfaat kepada rakyat.

Sisa-sisa makanan atau sisa buangan dapur akan diproses menggunakan *Economical Food Waste Composter* (EFWC) iaitu menggunakan motor untuk pengudaraan dan mikroorganisma bagi mempercepatkan proses pengkomposan. Memandangkan penggunaan alat ini masih di peringkat awal, pihak restoran diminta untuk memantau dan mencatat segala maklumat yang diperlukan bagi kajian keberkesanan penggunaannya.

Mesin *Economical Food Waste Composter* ini berharga RM3,200.00/ seunit dan setakat ini empat (4) mesin telah dibeli dan digunakan di Seberang Perai:-

- i. Satu (1) unit dihadiahkan oleh Ahli Majlis MPSP, Encik Michael Tan Cheong Heng kepada SMK Jalan Damai, Bukit Mertajam;
- ii. Satu (1) unit dihadiahkan oleh Yang Berhormat Tuan Goh Choon Aik, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Bukit Tambun kepada Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Tangling, Simpang Ampat;
- iii. Satu (1) unit dihadiahkan oleh Ms Loh Poh Chen penggerak kitar semula di Taman Pandan; dan
- iv. Satu (1) unit dibeli oleh Restoran De'Pauh Garden, Permatang Pauh.

Penubuhan Pusat Kompos Restoran De'Pauh Garden juga merupakan satu usahasama pihak restoran dan MPSP menggunakan pendekatan *smart partnership* melalui konsep 7Ps, di mana melalui pendekatan ini, jalinan kerjasama di antara kedua-dua pihak secara tidak langsung memberi impak positif terhadap usaha-usaha pemeliharaan alam sekitar dan bumi kita.

Pihak Pengurusan Restoran De'Pauh Garden telah menunjukkan komitmen yang baik dengan membeli mesin ini dan untuk peringkat permulaan akan menggunakan mesin ini untuk membantu dalam proses penghasilan kompos daripada sisa-sisa buangan dapur dari aktiviti perniagaan di situ. Baja kompos yang dihasilkan bolehlah digunakan untuk aktiviti bercucuk tanam oleh pihak restoran.

Projek pengkomposan ini melibatkan pemprosesan sisa-sisa makanan menggunakan *Economical Food Waste Composter* (EFWC) iaitu menggunakan motor untuk pengudaraan dan mikroorganisma bagi mempercepatkan proses pengkomposan. MPSP akan sentiasa bersama pengurusan Restoran De'Pauh Garden untuk menambak baik kaedah pengkomposan supaya teknologi dan meningkatkan keupayaan mengurus sisa makanan dengan efektif selaras dengan perkembangan teknologi. MPSP juga berharap lebih ramai pengusaha restoran–restoran mahupun hotel-hotel di Seberang Perai mengambil inisiatif dengan mewujudkan pusat kompos seperti yang dibuat oleh Restoran De'Pauh Garden.

Jika komuniti peniaga setempat mula mengamalkan pengkomposan sisa makanan, ini akan membantu mengurangkan penjanaaan sampah ke tapak pelupusan sekaligus dapat menjadikan sisa sifar sebagai gaya hidup.

Pihak MPSP akan sentiasa bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan dalam memberikan perkhidmatan yang sebaiknya. Kerjasama komuniti dan masyarakat setempat amat penting kerana ia dapat membantu MPSP dalam aspek menjaga kebersihan.

### **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Encik Mohd Rodzi Bin Abu Bakar dan pekerja-pekerja Restoran De'Pauh Garden yang memberikan komitmen penuh dalam program kompos sisa makanan serta membantu MPSP untuk menjaga Seberang Perai supaya lebih bersih dan cantik serta mempunyai penduduk yang sihat sejajar dengan *tagline* MPSP iaitu "***Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan***" atau "***Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow***".

Saya seterusnya menyeru para hadirin sekalian untuk menjadikan kompos, kitar semula dan sisa sifar sebagai satu amalan dalam budaya hidup seharian, agar bumi yang kita pinjam dari generasi akan datang ini, dapat dikembalikan kepada mereka seindah dan se hijau mungkin.

Sebagai mengakhiri kata-kata dan dengan lafaz BISMILLAH saya dengan ini merasmikan **Pusat Kompos Restoran De' Pauh Garden.**

**Sekian,**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh.***

**Terima kasih.**